

# Pantai Timur diramal banjir

## Hujan lebat dijangka di Kelantan, Terengganu

Oleh Sazarina Shahrin

**K**UALA LUMPUR: Kelantan dan Terengganu dijangka dilanda banjir seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang, apabila hujan lebat diramal berlaku di kedua-dua negeri itu dalam tempoh beberapa hari ini.

Kelantan dan Terengganu ialah negeri terbaru yang dimasukkan dalam amaran peringkat merah iaitu paling tinggi kemungkinan banjir berlaku terutama di kawasan rendah dan tebing sungai.

Sementara itu, Selangor dan Lembah Klang berkemungkinan menerima hujan lebat apabila ada pergerakan awan dari selatan ke negeri itu.

Jurucakap, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia, berkata berdasarkan maklumat dan analisis terkini, hujan lebat yang dialami semua negeri itu dijangka berterusan beberapa hari lagi.

“Keadaan yang dialami ini adalah fenomena


biasa yang terjadi ketika Monsun Timur Laut walaupun taburan hujan yang dicatatkan sejak beberapa hari lalu adalah tinggi,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, hujan lebat yang dialami beberapa negeri itu dijangka beransur berkurangan mulai Ahad ini.

“Bagi Johor, keadaan dijangka bertambah baik bermula esok,” katanya.

Berdasarkan statistik taburan hujan harian bermula 15 Disember sehingga 19 Disember lalu, beliau berkata, Senai, Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 509 milimeter (mm), diikuti Muadzam Shah, Pahang (452 mm), Kluang, Johor (446 mm), Kuantan (341 mm), Batu Pahat dan Mersing (Johor) masing-masing 176.8 mm dan Melaka (172 mm).

“Taburan hujan kelmarin ialah paling tinggi sehingga kini dalam bulan ini terutama di Kluang yang mencatatkan taburan hujan tertinggi 266 mm pad Disember berbanding rekod sebelum ini iaitu 194 mm pada 1983,” katanya



**PRIHATIN MASALAH:** Hishammuddin bertanya khabar kepada mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Batu Tiga, Jalan Mersing Kluang, semalam.

# Kementerian pastikan penggal persekolahan tidak terjejas

**K**LUANG: Kementerian Pelajaran terus memantau sekolah yang menjadi pusat pemindahan bagi memastikan ia dapat digunakan ketika sesi persekolahan bermula 2 Januari depan, kata Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

"Arahan dikeluarkan kepada semua Jabatan Pelajaran negeri untuk memastikan sekolah yang menjadi pusat pemindahan atau ditenggelami air dapat digunakan pada hari pertama persekolahan.

"Kita akan bersihkan sekolah terbabit dengan segera dan jika boleh kita sedaya upaya pindahkan segera keluarga yang ditempatkan di sekolah kembali ke rumah masing-masing secepat mungkin apabila banjir reda," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Kampung Melayu Mardi, di sini, semalam.

Katanya, kementerian akan mewujudkan talian *hotline* bagi memudahkan calon Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) 2006 yang menjadi mangsa banjir mengetahui keputusan yang diumumkan, Khamis depan.

Katanya, keadaan banjir yang makin teruk melanda beberapa negeri terutama Johor, di-

jangka menyukarkan calon PMR 2006 mendapatkan keputusan. Bagaimanapun, katanya, keputusan mengenai penyediaan talian itu bergantung kepada keadaan cuaca serta banjir.

"Kita akan berusaha memastikan semua calon PMR menerima keputusan mereka pada hari ia diumumkan walaupun mungkin ada sekolah ditenggelami air dan tidak dibuka pada hari pengumuman keputusan nanti.

Beliau berkata, nombor talian hotline keputusan PMR dijangka diumumkan kemudian.

**“***Jika banjir berterusan dan menjejaskan sekolah terutama yang ada calon PMR, kita akan sedia talian hotline bagi memudahkan calon mendapat keputusan”*

**Hishammuddin Hussein**  
Menteri Pelajaran

# Lebih 1,600 hektar kebun sayur tenggelam

**J**OHOR BAHRU: Banjir besar luar biasa yang melanda negeri ini dijangka menyebabkan harga sayur meningkat mendadak berikutan ladang sayur di seluruh Johor ditenggelami air dan menyebabkan kerugian kira-kira RM10 juta.

Petani mengadu selain anak benih dan pokok sayuran, mesin, jentera serta stok baja juga musnah.

Kebanyakan petani di Kota Tinggi, Kulai, Simpang Renggam dan Muar tidak dapat mengeluarkan hasil tanaman masing-masing berikutan jalan ke kebun tidak dapat dilalui.

Setakat ini, kawasan paling teruk terjejas adalah di Bukit Gambir, Muar yang lebih 75 peratus daripada kebun seluas 1,600 hektar yang dimiliki 100 petani ditenggelami air lebih

satu meter. Ladang itu membekalkan sayur ke utara Johor dan Singapura.

Pengerusi Persekutuan Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Tan So Tiok, berkata lebih 100 mesin pam air juga musnah akibat bencana alam itu.

Beliau yang turut menjadi mangsa, berkata di Simpang Renggam, kira-kira 40 hektar kebun sayur tenggelam manakala kebun yang tidak terjejas tidak boleh menuai hasil kerana jaringan perhubungan terputus.

Tan berkata, pengguna terpaksa bergantung kepada bekalan sayur dari Melaka, Kuala Lumpur, Ipoh dan Cameron Highlands dalam beberapa minggu akan datang.

"Masih terlalu awal mengesahkan kenaikan harga, tetapi ada kemungkinan kerana bekalan di Johor musnah dan bekalan sayur terputus," katanya.

## **JOHOR BAHRU**

### **Pemuda, NGO beri bantuan**

**P**emuda Umno Malaysia akan bekerjasama dengan semua jabatan kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menyalurkan bantuan kepada semua mangsa banjir di negeri itu.

Exconya, Abdullah Md Yusof, berkata pergerakan itu akan mendapatkan bantuan dan sumbangan syarikat korporat untuk turut sama menyalurkan sumbangan terutama makanan.

"Setakat ini, beberapa syarikat makanan seperti Nestle dan Adabi sudah bersetuju menyalurkan sumbangan berbentuk makanan kepada semua mangsa banjir yang ditempatkan di pusat penempatan banjir," katanya.

### **KWSP Segamat tutup**

**P**ejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) cawangan Segamat ditutup dan semua urusan tergendala berikutan banjir yang melanda daerah itu sejak dua hari lalu.

Pengurus Kanan Perhubungan Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar, berkata ahli yang perlu mendapatkan perkhidmatan KWSP supaya menghubungi pejabat KWSP Batu Pahat atau Kluang.

Katanya, pejabat KWSP cawangan Batu Pahat beralamat di Tingkat bawah, 1&2, 38-1, Wisma Sucha Singh, Jalan Rahmat, 83000 Batu Pahat atau telefon 07-4325436 dan alamat Kluang ialah di 8 & 10, Tingkat bawah, 1 & 2, Jalan Hj Manan, 86000 Kluang (07-7724276).

## **MELAKA**

### **40 keluarga trauma**

**H**ampir 40 keluarga di kampung Pulau Kelapa, Peringgit di sini trauma selepas banjir besar melanda kampung itu sejak awal pagi semalam.

Limpahan air dari parit besar di Taman Desa Baru berhampiran kampung itu menyebabkan hampir semua rumah dimasuki air serta merosakkan keperluan harian, barang serta peralatan rumah.

Jalan susur keluar di kampung terbabit yang menghubungkan Hospital Besar Melaka ke Jalan utama Peringgit-Air Keroh juga ditutup selepas dinaiki air.

## **KUALA LUMPUR**

### **Proton tawar diskaun**

**P**roton Holdings Berhad menawarkan diskaun harga untuk alat ganti kepada pemilik kereta mangsa banjir di Johor, negeri yang kini teruk dilanda banjir.

Mereka dinasihatkan membawa kenderaan untuk pemeriksaan di pusat servis Proton berdekatan atau bengkel servis yang dilantik, kata Pengarah Urusan Proton Holdings Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, juruteknik Proton bersedia ditugaskan untuk memudahkan pemeriksaan terhadap kenderaan yang rosak dan memberi khidmat nasihat kepada pemiliknya.

## **PUTRAJAYA**

### **Arahan beri cuti**

**M**ajikan di empat negeri yang dilanda banjir diminta memberi kelepasan kepada pekerja mangsa bencana alam itu untuk berpindah atau menguruskan rumah yang dinaiki air.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn, semalam berkata majikan perlu bertimbang rasa dengan membenarkan pekerja mengambil cuti atau kelepasan ketika menghadapi masa sukar akibat banjir.

"Majikan jangan mengambil kesempatan terhadap pekerja yang terbabit dengan banjir kerana bencana alam itu berlaku di luar kawalan mereka," katanya.

## Ramalan cuaca di beberapa negeri untuk lima hari



	SELANGOR	JOHOR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	TERENGGANU
<b>21/12 Khamis</b>	Hujan di beberapa tempat	Hujan sekejap-sekejap sepanjang hari	Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat	Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat	Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat
<b>22/12 Jumaat</b>	Hujan di beberapa tempat	Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat	Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat	Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat	Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat
<b>23/12 Sabtu</b>	Ribut petir di satu dua tempat	Hujan di beberapa tempat sepanjang hari	Ribut petir di satu dua tempat	Ribut petir di satu dua tempat	Hujan di beberapa tempat sepanjang hari
<b>24/12 Ahad</b>	Ribut petir di satu dua tempat	Hujan di beberapa tempat sepanjang hari	Ribut petir di satu dua tempat	Ribut petir di satu dua tempat	Hujan di beberapa tempat sepanjang hari
<b>25/12 Isnin</b>	Ribut petir di satu dua tempat	Hujan di beberapa tempat sepanjang hari	Ribut petir di satu dua tempat	Ribut petir di satu dua tempat	Hujan di beberapa tempat sepanjang hari